

D.R. 8/2014

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk meminda Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Pindaan) 2014.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Pindaan seksyen 11

2. Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007 [*Akta 665*], yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, dipinda dalam subseksyen 11(3)—

(a) dalam perenggan (c), dengan menggantikan perkataan “atau seorang Timbalan Gabenor” dengan perkataan “, atau seorang Timbalan Gabenor atau Penolong Gabenor”; dan

(b) dengan menggantikan perenggan (d) dengan perenggan yang berikut:

“(d) Ketua Setiausaha atau seorang Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi pembangunan koperasi sebagaimana yang dinamakan oleh Menteri;”.

Seksyen baru 62A

3. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 62 seksyen yang berikut:

“Pewakilan dalam prosiding sivil

62A. Walau apa pun peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang lain—

(a) dalam mana-mana prosiding sivil oleh atau terhadap Suruhanjaya; atau

(b) dalam mana-mana prosiding sivil yang lain yang Suruhanjaya dikehendaki atau dibenarkan oleh mahkamah untuk diwakili, atau untuk didengar, atau selainnya berhak untuk diwakili atau untuk didengar,

mana-mana pegawai Suruhanjaya yang diberi kuasa oleh Pengerusi Eksekutif bagi maksud itu boleh, bagi pihak Suruhanjaya, memulakan prosiding sedemikian atau hadir dalam prosiding itu dan boleh membuat semua kehadiran dan permohonan dan melakukan semua perbuatan berkenaan dengan prosiding itu bagi pihak Suruhanjaya.”.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007 (“Akta 665”).

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.

3. *Fasal 2* bertujuan untuk meminda perenggan 11(3)(c) dan (d) Akta 665 untuk menjadikan pelantikan anggota Lembaga lebih fleksibel dengan membenarkan Penolong Gabenor Bank Negara Malaysia dan Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi pembangunan koperasi dinamakan untuk menjadi pengarah Lembaga.

4. *Fasal 3* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 62A ke dalam Akta 665. Seksyen 62A baru yang dicadangkan bertujuan untuk membolehkan Pengerusi Eksekutif memberi kuasa mana-mana pegawai Suruhanjaya untuk memulakan prosiding sivil atau hadir dalam prosiding itu dan membuat semua kehadiran dan permohonan dan melakukan semua perbuatan berkenaan dengan prosiding itu bagi pihak Suruhanjaya.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U2)2926]